

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Bertulis

**DARIPADA** : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]

**SOALAN** : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI** menyatakan:  
menyatakan sejauh manakah projek pembangunan  
agropreneur muda mampu menarik minat golongan  
muda/belia untuk menceburi bidang  
perniagaan/pertanian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Program Agropreneur Muda sejak September 2013 yang bertujuan untuk membantu dan menggalak penglibatan golongan muda / belia dalam sektor pertanian merangkumi semua aktiviti dalam rangkaian nilai industri pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

Sejak dilaksanakan sehingga 30 April 2016, seramai 5,588 belia seluruh negara telah berdaftar untuk mengikuti program ini. Daripada jumlah itu, seramai 1,681 belia telah menerima bantuan geran dan pinjaman menerusi Agrobank dan TEKUN Nasional dengan nilai keseluruhan berjumlah RM52.77 juta.

Kementerian melalui Unit Agropreneur Muda akan mempergiatkan lagi promosi untuk menarik lebih ramai belia menceburi sektor pertanian dan dijadikan sebagai satu pilihan kerjaya yang mampu menjana pendapatan tinggi melebihi RM5,000 sebulan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : Y.B TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**  
**SOALAN : NO. 58**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan sejauh manakah budaya Pembelajaran Sepanjang Hayat (Long Life Learning) berjaya dipupuk di kalangan masyarakat awam Malaysia.**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan. Daya saing global, kepelbagaian keperluan dan tuntutan majikan atau industri bagi meningkatkan produktiviti telah mendorong individu supaya sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran mereka. Pada masa yang sama, sejajar dengan pembangunan sosioekonomi negara, individu semakin sedar dan menghayati keperluan untuk pengayaan ilmu dan kemahiran demi kemajuan dan kepuasan diri.

Justeru itu, pembudayaan PSH berjaya dipupuk dalam kalangan masyarakat di Malaysia memandangkan peningkatan penyertaan pelajar PSH di semua peringkat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Politeknik, Kolej Komuniti, Universiti Awam dan Swasta. Jumlah bilangan penyertaan PSH di IPT bagi tahun 2015 adalah 370,547 orang dalam pelbagai bidang pengajian berbanding dengan seramai 314,828 orang bagi tahun 2014. Ini merupakan peningkatan penyertaan dan kesedaran orang awam terhadap program PSH di Malaysia.